

17 JUL 1999

Mahathir-Kedah

LAWATAN DR MAHATHIR UNTUK ATASI MASALAH PERINGKAT AKAR UMBI

ALOR SETAR, 17 Julai (Bernama) -- Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Kampung Ketul 17, Jitra, dekat sini, pada isnin, beliau akan menemui penduduk kampung, mendengar masalah yang dibangkitkan mereka dan cuba mengatasinya.

Beliau akan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Anggota Parlimen bagi Kubang Pasu, jawatan yang dipegang beliau sejak 1974.

"Saya berpendapat ini bukan cuma lawatan siri kedua ke seluruh negara bermula di Kedah kerana beliau akan memusatkan perhatian di Kubang Pasu untuk masuk kampung, bertanya kepada penduduk kampung tentang masalah mereka dan cuba mengatasinya," kata setiausaha Barisan Nasional (BN) Kedah Ahmad Lebai Sudin.

Selain Kampung Ketul 17, Dr Mahathir dijadual menemui anggota veteran Umno dan menemui penduduk di Kampung Jeragan, Jitra.

"Ini menunjukkan bahawa Dr Mahathir mengambil kira pendapat daripada anggota-anggota veteran Umno," kata beliau.

"Sebab inilah pemimpin BN berbeza daripada pemimpin pembangkang yang suka menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat," kata Ahmad.

bagi pemimpin BN, Perdana menteri sendiri perlu menemui rakyat di peringkat bawah untuk mendapatkan maklumat balas dan mengetahui masalah yang dibangkitkan oleh penduduk di kawasannya tidak kira menjelang pilihan raya atau tidak.

Sebaliknya, Perdana Menteri juga akan mengambil peluang itu untuk menjelaskan mengenai isu-isu semasa kepada rakyat bawahan, kata beliau.

Dr Mahathir telah berbuat demikian sejak 25 tahun lalu sebagai wakil rakyat kawasan itu.

Sekurang-kurangnya sebulan sekali, Dr Mahathir akan melawat ke kawasannya walaupun mempunyai jadual yang ketat sebagai pemimpin pusat sedangkan pembangkang hanya menemui penduduk kampung menjelang pilihan raya, kata beliau.

-- BERNAMA

JM FAZ